

13 MAY 2000

Mahathir-Penentang

UMNO AKAN PULIHKAN PENENTANG PARTI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno akan berusaha memulihkan kembali keyakinan anggota parti dan pegawai kerajaan yang menentang parti dan kerajaan pada pilihan raya umum lepas.

"Kita akan pulihkan mereka supaya mereka sedar tentang jasa Umno kepada mereka dan bagaimana mereka mendapat tempat hasil perjuangan parti," kata Perdana Menteri.

"Mereka tidak mungkin memegang jawatan serta mendapat pelajaran dan bekerja dalam agensi-agensi kerajaan tanpa Umno," kata beliau yang juga Presiden Umno ketika mengulung perbahasan hari terakhir perhimpunan agung parti itu, di sini.

Dr Mahathir berkata janganlah Umno menuntut supaya mendera penentang kerajaan termasuk guru dengan memindahkan mereka ke tempat jauh daripada keluarga kerana melakukan perkara yang tidak baik kepada parti ketika bertugas sebagai pegawai pilihan raya lepas.

"Kalau hantar segala pegawai dan guru ke Sabah orang yang didera tidak akan berdiam diri. Bila rasa teraniaya mereka akan bekerja lebih kuat.

"Manusia macam itu, bila sayang kepada sesuatu dia duduk merenung mengingatkan kepada kesayangannya tapi kalau marah dia kerja cukup rajin kadang-kadang lebih 24 jam dan jika dihantar ke Sabah mereka akan balik berkempen hingga ke Kelantan," katanya.

Sebab itu di Kelantan Umno mendapat undi kurang kerana orang Kelantan di sini balik beramai-ramai, katanya.

"Bukan salah kita beri cuti kepada semua orang pada hari itu (pilihan raya umum) sebenarnya kita diminta supaya mereka dapat balik dan menyokong kita tetapi sebaliknya mereka menentang kita. Lain kali kita tak beri cuti," katanya di sambut gelak ketawa para perwakilan.

Katanya kerajaan tidak boleh mengasingkan semua orang semata-mata kerana percaya mereka tidak memberi sokongan atau bersetuju dengannya.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab hujah-hujah anggota perwakilan yang mahu kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap anggota parti dan kakitangan kerajaan yang tidak menyokong Umno pada pilihan raya lepas.

Dr Mahathir berkata Umno perlu tahu sebab-sebab anggota parti dan kakitangan kerajaan tidak menyokongnya dan jika mereka berbuat demikian kerana tidak faham perjuangan parti, adalah menjadi tanggung jawab parti untuk memberi penjelasan.

"Mudah-mudahan dengan penjelasan yang diberi akan membuat mereka menerima kita dan tidak lagi jadi orang menentang kita," katanya.

Beliau juga menasihatkan jentera penerangan Umno bercakap perkara yang benar dan jangan berbohong kerana jika berbohong, lambat laun akan diketahui juga.

Dr Mahathir berkata Umno berada di pihak yang benar dan kerana itulah ia perlu membetulkan mereka yang salah.

"Kita tidak singkir mereka sebaliknya kita dedahkan kepada mereka kebenaran. Mudah-mudahan mereka balik menjadi penyokong kuat parti," katanya.

Katanya jika mereka disingkir, Umno akan menjadi kecil dan bila parti menjadi kecil, mereka yang disingkir menjadi marah dan akan berusaha menggagalkan Umno dan ini akan menyukarkan parti memenangi pilihan raya akan datang.

Dr Mahathir berkata beliau yakin kakitangan yang tidak menyokong parti itu akan kembali menerima Umno jika parti itu mendekati mereka secara baik dan mengelak bertindak kasar terhadap mereka.

"Insyaallah jika tidak semua atau 100 peratus, sebahagian akan merujuk kepada Umno dan menyokong perjuangan mulia ini kerana Umno telah banyak berjasa kepada mereka, bangsa dan negara," katanya.

Dr Mahathir juga berkata baru-baru ini beliau telah berjumpa dengan kira-kira 400 pegawai tertinggi kerajaan kerana ramai daripada mereka menentang kerajaan untuk memberi penjelasan mengenai apa yang berlaku dalam negara.

"Saya tak boleh beritahu sama ada pada 2004 mereka akan mengundi kita atau tidak tetapi nampak jelas bila diberi penjelasan sikap mereka berubah dan tidak begitu lagi marah kepada kita.

Bagaimanapun, ada pegawai kerajaan tidak berpuas hati dengan beliau sebab tidak "mesra pegawai" kerana tidak memberi cuti setiap hari Sabtu.

"Saya bekerja tujuh hari tidak ada masalah. Namun kita beri dua Sabtu cuti dalam sebulan dan ini menunjukkan beliau "mesra" dengan pegawai.

"Mereka juga berkata saya tidak menimbang kehendak kakitangan kerajaan... saya pujuk Daim (Tun) beri 10 peratus kenaikan gaji pokok sedangkan tidak ada siapa yang minta kita beri dan ini nampak kita mesra," katanya.

-- BERNAMA

ARA ZKS LAT